

PANDANGAN ALKITAB TENTANG KESAMARATAAN ANTARA LELAKI DENGAN WANITA

Alkitab mengajarkan kesamarataan antara lelaki dengan wanita dalam peristiwa Kejadian mahupun Penyelamatan (Kej. 1:26-28, 2:23, 5:1-2; 1 Kor. 11:11-12; Gal. 3:13, 28, 5:1).

Alkitab mengajarkan bahawa Allah telah menunjukkan diri-Nya sendiri di dalam keseluruhan Alkitab, iaitu Firman Allah yang berwujud (Mat. 5:18; Yoh. 10:35; 2 Tim. 3:16; 2 Pet. 1:20-21). Kami yakin bahawa Alkitab harus ditafsirkan berdasarkan maksud keseluruhannya dan berdasarkan temanya. Kami juga menyedari bahawa ada perbezaan antara inspirasi dan tafsiran. Inspirasi adalah ilham daripada Tuhan yang memastikan bahawa keseluruhan penggabalan Alkitab merupakan Firman Allah. Tafsiran berkaitan dengan kegiatan manusia yang berusaha memahami ajaran Alkitab secara harmonis dan menyeluruh dengan pertolongan Roh Allah. Orang Kristian yang benar-benar ingin hidup berdasarkan Alkitab harus sentiasa meneliti imannya dan perbuatannya di bawah sorotan Alkitab.

Ajaran-ajaran yang benar daripada Alkitab

Tentang Kejadian

1. Alkitab mengajarkan bahawa baik lelaki mahupun wanita diciptakan menurut rupa Allah. Kedua-duanya mempunyai perhubungan langsung dengan Allah dan bertanggungjawab terhadap tugas melahirkan serta mengasuh anak. Kedua-duanya juga mengesesi segenap ciptaan Tuhan (Kej. 1:26-28).

2. Alkitab mengajarkan bahawa lelaki dan wanita diciptakan untuk bekerjasama dengan sempurna sebagai dua rakan yang setaraf kedudukannya. Ayat Kej. 2:18 menggunakan kata "penolong" (ezer) sebagai kata lain untuk wanita. Kata yang sama juga digunakan untuk Allah dalam ayat-ayat Kitab Perjanjian Lama seperti 1 Sam. 7:12; Maz. 121:1-2. Oleh itu kata "ezer" tidak menyampaikan maksud bahawa kedudukan wanita lebih rendah daripada lelaki.

3. Alkitab mengajarkan bahawa wanita dijadikan daripada lelaki. Hal itu menunjukkan kesatuan dan kesamarataan yang asas antara umat manusia (Kej. 2:21-23). Kata "yang sesuai" (kenegdo) dalam ayat Kej. 1:18,20 menunjukkan bahawa wanita mempunyai kedudukan dan kebolehan yang sama dengan lelaki.

4. Alkitab mengajarkan bahawa baik lelaki mahupun wanita, kedua-duanya terlibat dalam Kejatuhan manusia. Adam dan Hawa sama-sama bersalah (Kej. 3:6; Rom 5:12-21; 1 Kor. 15:21-22).

5. Alkitab mengajarkan bahawa sebagai akibat Kejatuhan manusia, Adam berkuasa atas Hawa. Jelaslah bahawa hal itu bukan sebahagian daripada sistem kejadian yang asal. Kej. 3:16 adalah ramalan tentang akibat Kejatuhan manusia dan bukannya arahan Allah tentang sistem yang sempurna.

## Tentang Penyelamatan

6. Alkitab mengajarkan bahwa Yesus Kristus datang untuk menyelamatkan baik lelaki mahupun wanita. Kita menjadi anak-anak Allah melalui percaya kepada Kristus. Kita semua hidup bersatu dengan Kristus dan mewarisi berkat-berkat penyelamatan tanpa memandang perbezaan perkauman, sosial dan kejantinaan (Joh. 1:12-13; Rom 8:14-17; 2 Kor. 5:17; Gal. 3:26-28).

## Tentang Jemaah Kristian

7. Alkitab mengajarkan bahawa pada hari Pentakosta, Allah memberi Roh-Nya kepada kaum lelaki mahupun wanita. Tanpa memandang bulu, Roh Allah tinggal dalam hidup orang Kristian lelaki mahupun wanita. Roh Allah juga membahagi-bahagikan pemberian kepada umat Allah tanpa membezakan kejantinaan (Kis. 2:1-21; 1 Kor. 12:7, 11, 14:31).

8. Alkitab menjejarkan bahawa baik lelaki mahupun wanita harus memperkembang pemberian-pemberian rohani mereka dan menggunakannya. Dengan demikian mereka menjadi pengurus daripada kurnia Allah (1 Pet. 4:10-11). Baik lelaki mahupun wanita dilengkapi dengan pemberian Allah dan dapat menguruskan seluruh Tubuh Kristus demi kuasa-Nya (Kis. 1:14, 18:6, 21:9; Rom 16:1-7, 12-13, 15; Fil. 4:2-3; Kol. 4:15; lihat juga Mrk. 15:40-41, 16:1-7; Luk. 8:1-3; Yoh. 20:17-18; bandingkan juga dengan contoh-contoh di Kitab Perjanjian Lama: Hak. 4:4-14, 5:7; 2 Taw. 34:22-28; Ams. 31:30-31; Mik. 6:4).

9. Alkitab mengajarkan bahawa pentadbiran yang disyorkan Kitab Perjanjian Baharu membolehkan lelaki dan wanita bernubuat dan melakukan tugas imam serta tugas diraja (Kis. 2:17-18, 21:9; 1 Kor. 11:5; 1 Pet. 2:9-10; Wah. 1:6, 5:10). Memang ada beberapa ayat berasingan yang kelihatannya menghadkan kebebasan kaum wanita untuk berkhidmat kepada Tuhan. Ayat-ayat tersebut tidak boleh ditafsirkan dengan tanpa usul periksa serta ditafsirkan bertentangan dengan maksud Alkitab yang selebihnya. Ayat-ayat itu harus ditafsirkan dengan mengambil berat hubungan ayat-ayat itu dengan ajaran Alkitab yang lebih luas serta konteksnya yang menyeluruh (1 Kor. 11:2-16, 14:33-36; 1 Tim. 2:9-15).

10. Alkitab mendefinisikan fungsi kepemimpinan sebagai pemberian kuasa kepada orang lain untuk menjalankan tugas. Kepemimpinan tidak diertikan sebagai mempergunakan kuasa terhadap orang lain (Mat. 20:25-28, 23:8; Mrk. 10:42-45; Yoh. 13:13-17; Gal. 5:13; 1 Pet. 5:2-3).

## Tentang Keluarga

11. Alkitab mengajarkan bahawa suami dan isteri sama-sama mewarisi rahmat hidup daripada Allah. Mereka terjalin dalam suatu perhubungan yang mengamalkan supaya tunduk kepada satu sama lain dan memenuhi kewajipan masing-masing (1 Kor. 7:3-5; Ef. 5:21; 1 Pet. 3:1-7; Kej. 21:12). Tugas suami sebagai "kepala" (kephale) harus difahami sebagai pernyataan kasih yang mengabdikan segenap jiwa raganya dalam perhubungan yang mengamalkan tunduk kepada satu sama lain (Ef. 5:21-33; Kol. 3:19; 1 Pet. 3:7).

12. Alkitab mengajarkan bahawa ibu dan bapa bersama-sama menjalankan tugas mengasuh, mendidik, mendisiplin dan mengajari anak-anak mereka (Kel. 20:12; Im. 19:3; Ul. 6:6-9, 21:18-21, 27:16; Ams. 1:8, 6:20; Ef. 6:1-4; Kol. 3:20; 2 Tim. 1:5; lihat juga Luk. 2:51).

## Pengaplikasian

### Dalam Jemaah

1. Dalam jemaah, pemberian-pemberian rohani yang dimiliki kaum wanita dan lelaki harus diakui, diperkembangkan dan digunakan untuk perkhidmatan mengurus dan mengajar jemaah pada semua peringkat. Misalnya sebagai pemimpin kelompok kecil, penasihat, penolong, pentadbir, peneman, pembantu semasa Perjamuan Tuhan, ahli pengurus jemaah. Dalam pekerjaan mengurus jemaah, pemberian rohani juga digunakan untuk mengajar, berkhutbah dan menyembah Tuhan.

Jemaah yang berbuat demikian menghormati Allah, kerana mereka mengakui bahawa semua pemberian rohani berasal daripada Allah. Jemaah juga melaksanakan tugas mengurus pekerjaan Tuhan tanpa menyisihkan sebahagian besar sidang jemaah daripada kedudukan yang bertanggungjawab.

2. Dalam jemaah, baik lelaki mahupun wanita yang menjalankan tugas perkhidmatan dan kepemimpinan harus dihargai secara umum.

Dengan demikian, jemaah akan menjivi kesatuan dan keharmonisan yang menunjukkan ciri utama kelompok orang yang percaya kepada Tuhan. Di dalam dunia yang membeza-bezakan golongan dan mendiskriminasi orang, jemaah harus melepaskan diri daripada amalan yang menjadikan orang berasa rendah diri kerana dia dilahirkan sebagai wanita. Tindakan seperti itu mencegah kaum wanita meninggalkan jemaah atau menolak iman Kristian.

## Dalam Keluarga

3. Dalam keluarga Kristian, suami dan isteri harus berusaha untuk saling memenuhi kesukaan, keinginan dan cita-cita pasangannya. Baik suami ataupun isteri tidak boleh berusaha menguasai pasangannya. Masing-masing harus berlaku seperti hamba terhadap yang lain. Dengan rendah hati suami atau isteri harus menganggap pasangannya lebih baik daripada dirinya sendiri. Jika mereka menghadapi jalan buntu tentang suatu masalah, mereka harus mencari jalan keluar berdasarkan ajaran Alkitab. Jangniah satu pihak memaksakan keputusannya kepada pihak yang lain.

Dengan jalan itu, suami dan isteri akan menolong keluarga Kristian umumnya menghadapi penyalahgunaan kuasa oleh suami atau isteri. Hal itu juga akan melindungi isteri dan anak-anak daripada kekejaman suami yang mengikut tafsiran hierarki tentang kedudukan suami sebagai "kepala".

4. Dalam keluarga Kristian, suami dan isteri belajar berkongsi tanggungjawab semasa menjalankan tugas memimpin rumah tangga. Hal itu dilakukan berdasarkan kebolehan, kecekapan dan kesanggupan masing-masing. Di samping itu pertimbangan yang sewajarnya terhadap pihak yang bersangkutan, hendaklah diperhatikan baik-baik.

Dengan demikian, suami dan isteri belajar menghormati kecekapan pasangannya dan juga kebolehan yang melengkapinya satu sama lain. Perkara ini mencegah suami atau isteri menjadi pihak yang sentiasa kalah. Lalu dia menjadi pandai bermuka-muka atau memanipulasi pasangannya supaya memperoleh penghargaan. Suami dan isteri yang perkahwinannya didasarkan pada perkongsian hidup, akan menjaga keutuhan perkahwinan itu. Lagipula perkahwinan itu terlindung daripada keretakan yang diakibatkan oleh kepincangan dalam perkahwinan.

5. Dalam keluarga Kristian, pasangan yang hidupnya ditandai oleh kebebasan yang diperolehi daripada Kristus, akan mengalami kebebasan hidup tanpa rasa bersalah atau berpura-pura. Mereka telah dibebaskan supaya keluar daripada "tradisi" yang tidak berdasarkan Alkitab. Kini mereka boleh bersukacita kerana dapat sama-sama mempertanggungjawabkan perkahwinannya kepada Kristus.

Dengan perbuatan ini mereka dengan terang-terang menyatakan ketaatan kepada Alkitab, menjadi teladan bagi pasangan lain dalam usaha mencari kebebasan daripada Kristus, dan sanggup menghadapi pola penguasaan serta kepincangan yang kadang-kadang dipaksakan kepada jemaah dan keluarga.

Kami percaya bahawa kesamarataan antara lelaki dengan wanita yang dinyatakan di sini adalah berdasarkan Alkitab. Kami selo dan sekata dalam keyakinan kami bahawa keseluruhan Alkitab merupakan Firman Tuhan yang menyediakan cara yang paling berkesan bagi kaum wanita dan lelaki untuk menggunakan pemberian-pemberian Roh Allah dan untuk mengabdikan kepada-Nya.

Gilbert Bilezikian  
Stanley M. Gundry  
Catherine Clark Kroeger

W. Ward Gasque  
Bretchen Gasblein Hull  
Jo Anne Lyon

Roger Nicole

This document may be reproduced if done in its entirety.